

CNS2523

U GB 15-07 00179 BH790

aab

Mahathir - Cukai '''

LANGKAWI, 15: Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengekalkan taraf pelabuhan bebas cukai bagi Pulau Langkawi setelah peniaga disini mula menurunkan sedikit harga barang-barang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik taraf pelabuhan bebas cukai yang diberi kepada Pulau Langkawi pada 1987 setelah para peniaga menurunkan sedikit harga barangan sebagai reaksi kepada beberapa teguran beliau sebelum ini.

Semasa melancarkan pameran draf rancangan struktur Langkawi pada 5 Jan lepas, Datuk Seri Dr Mahathir memberi amaran kepada golongan peniaga mengenai kemungkinan kerajaan menarik balik taraf bebas cukai itu jika barang-barang terus dijual pada harga yang tinggi.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melakukan lawatan sehari ke sini hari ini, beliau berkata sesetengah peniaga di pulau itu masih mengambil untung terlalu tinggi.

Menurutnya, kerajaan memberi taraf bebas cukai itu dengan tujuan supaya harga barang-barang di pulau itu dijual pada harga yang murah dan para pengunjung ke pulau itu sepatutnya dapat menikmati faedah pengecualian cukai. -- Lagi.

♥15/07/16-40MST

CNS2531

U GB 15-07 00167 BH791

aab

Mahathir - Cukai 2 Langkawi '''

Mengenai masa depan Langkawi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau yakin pulau itu akan menjadi pusat pe'lancongan yang terbesar di Malaysia menjelang tahun 2020.

+Dengan kadar pertumbuhan Langkawi sekarang, kemajuan inimungkin dicapai sebelum tahun 2020. Pertumbuhan Langkawi sekarang adalah jauh lebih pesat dari mana-mana tempat lain di seluruh Malaysia+, katanya.

Terdahulu daripada itu, Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira lima jam untuk melawat sekitar Pulau Langkawi diiringi oleh Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Haji Halil Abdul Mutalib, Anggota Exc Kerajaan Negeri, Datuk Bakar Taib, Pegawai Daerah, Haji Mohamad Ishak dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Antara yang dilawati ialah projek pembesaran lapangan terbang antarabangsa Langkawi, Taman CHOGM di Kuah, gerai peniaga kecil dan tapak beberapa projek hotel dan chalet yang sedang dalam pembinaan.

Mengenai projek pembesaran lapangan terbang antarabangsa Langkawi, beliau berkata lapangan terbang itu diperbesarkan sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa yang akan diadakan November ini. -- Lagi

♥15/07/16-48MST

CNS2533'

U GB/15-07 00132 BH792

a a b '

Mahathir - Cukai 3 Langkawi '''

Kawasan lapangan terbang itu diperbesarkan kerana pameran itu memerlukan tempat letak pesawat kapal terbang yang luas.

Selain itu, katanya, bangunan terminal lapangan terbang itu juga perlu diperbesarkan bagi menampung bilangan pelancong yang meningkat.

Datuk Seri Dr Mahathir berpuas hati dengan reka bentuk lapangan terbang itu dan penyiapan kerja-kerja itu sebulan lebih awal dari yang dijadualkan

Beliau juga berkata, LADA akan mempunyai sebuah hotel bertaraf lima bintang yang akan mempunyai 300 bilik bagi menampung kekurangan tempat penginapan di pulau itu.

Hotel itu dijangka disiapkan dalam tempoh empat bulan, katanya.

Pagi tadi, beliau mendengar taklimat mengenai beberapa projek pembangunan di Langkawi oleh LADA, Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia di Burau Bay Resort. -- Bernama

♥15/07/16-48MST